

**PENGHAYATAN FIRASAT DALAM AL-QURAN DAN HADIS,  
DIMENSI KEROHANIAN, FISIOGNOMI, PERUBATAN, PENGADILAN,  
OBJEK BUDAYA DAN KARYA SASTERA ORANG MELAYU**

*(Practice of Firasat in the Quran and Hadith,  
Spiritual Dimensions, Physiognomy, Medicine, Courts, Cultural Objects  
and Literary Works of the Malay People)*

Isa Kamari\*, Mohd Roslan Mohd Nor\*\* & Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid\*\*\*

**Abstract**

*Firasat (spiritual intuition) is practiced by the Malays in various dimensions of life: spiritual, physiognomy, medicine, administration of justice, cultural objects and literary works. Each of the practices of firasat in these dimensions demonstrates characteristics and aspects that are specific. This article analyses and develops a series of universal principles from the characteristics and aspects that are contextual in the practice of firasat.*

**Keywords:** *Practice of firasat (spiritual intuition), characteristics of firasat, principles of firasat*

**Abstrak**

Firasat diamalkan orang Melayu pada suatu ketika dahulu dalam pelbagai dimensi kehidupan seperti kerohanian, fisiognomi, perubatan, pengadilan, objek budaya serta karya sastera. Setiap daripada penghayatan firasat dalam dimensi berkenaan menyerlahkan ciri dan aspek tersendiri. Makalah ini menganalisis dan memurnikan rangkaian prinsip yang universal di balik ciri dan aspek penghayatan firasat yang kontekstual sifatnya.

**Kata Kunci:** Penghayatan firasat, ciri firasat, prinsip firasat

---

\*Isa Kamari. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [isa.kamari@gmail.com](mailto:isa.kamari@gmail.com)

\*\* Mohd Roslan Mohd Nor (PhD). Profesor di Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [m\\_roslan@um.edu.my](mailto:m_roslan@um.edu.my)

\*\*\* Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid. Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [faisal@um.edu.my](mailto:faisal@um.edu.my)

## **Pendahuluan**

Makalah ini menganalisis topik firasat untuk memurnikan beberapa prinsip penghayatannya dalam beberapa dimensi kehidupan orang Melayu. Reviu integratif mengenainya dianalisis pada dimensi kerohanian, fisiognomi, perubatan, pengadilan serta objek budaya dan karya sastra orang Melayu.

Kamus Dewan (1989) mendefinisikan firasat sebagai:

- a) ilmu pengetahuan mengenai tanda-tanda pada muka (badan dan lain-lain) untuk mengetahui kelakuan atau nasib orang,
- b) perasaan hati akan terjadi sesuatu setelah melihat gejala-gejala.

Menurut Mahmud bin Syed Abdul Kadir al-Hindi dalam kamus bahasa Melayunya yang diterbitkan di Singapura (1894:142): *"firasat ialah yang dapat diketahui perihai manusia oleh filnya"*. Sementara itu, Wilkinson dalam *A Malay-English Dictionary* mentakrifkan firasat sebagai: *"ability to foretell the future by observation of the present"* (Wilkinson 1959:313).

Dari sudut filologi pula, perkataan firasat berasal daripada perkataan Arab *'farasa'* yang diambil daripada percakapan sehari-hari *'farasa as-sabu'u asy-syata'* yang bermaksud 'binatang buas itu telah menangkap seekor domba dengan cepat'. Jadi pengertian yang dimaksudkan dengan firasat ialah kecepatan menangkap (mencerap, menanggapi) berbagai hal secara spontan dengan kemahiran dan syarat tertentu.

Jelani Harun (2000), seorang ilmuwan dan budayawan pula berpendapat:

*...kewujudan firasat sebagai suatu bentuk ilmu ... perlu penelitian secara lebih khusus dan ilmiah. Dalam konteks kajian budaya khususnya, masih banyak tatacara, norma-norma, adat-istiadat masyarakat...adat kepercayaan dan agama yang belum diselidiki. Ini menyarankan bahawa suatu gabungan disiplin ilmu dan kepakaran sarjana yang merangkumi bidang kajian kesusasteraan, budaya, sejarah, agama, sosiologi, antropologi, psikologi dan falsafah adalah sangat penting dilakukan untuk mendapat suatu konsep, kaedah dan penghayatan ilmu firasat secara lebih menyeluruh dan sempurna (Jelani Harun 2000:29).*

Penyelidikan ini menyambut saranannya untuk memurnikan beberapa prinsip penghayatan firasat daripada analisis induktif pada dimensi kehidupan tersebut.

## **Pengertian Firasat Menurut Al-Quran dan Hadis**

Maksud ayat al-Quran:

*"Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang memperhatikan tanda-tanda."* (Al-Quran, Al-Hijr, 15:75).

Sebahagian ahli tafsir mengatakan istilah *'al-mutawassimin'* dalam ayat tersebut merujuk kepada ahli firasat sebagai: *"orang-orang yang mantap dan tepat pendapatnya hingga mampu mengetahui inti sesuatu perkara, sifat dan tandanya"* (Abu Ishaq al-Zajjaj), *"orang-orang yang meletakkan tanda, iaitu isyarat ke atas sesuatu yang membezakannya dengan yang lain"* (Muhammad Al-Amin ibn Muhammad), *"orang-orang yang mengambil pengajaran"* (Qatadah), *"orang-orang yang berfikir"* (Ibn Abbas dan al-Dahhak), dan *"orang-orang yang*

*memerhatikan*” (sebahagian ahli tafsir Madinah). Merumuskannya, Taqi al-Din Ahmad ibn Taimiyyah al-Jarrani menjelaskan bahawa dari sudut bahasa ‘*al-mutawassimin*’ mengandungi kesemua makna di atas (Abur Hamdi Usman & Hafiz Ahmad 2019).

Dalam ayat lain, Allah SWT berfirman, maksudnya:

*“Dan kalau Kami menghendaki, nescaya Kami tunjukkan mereka kepadamu, sehingga kamu benar-benar dapat mengenal mereka dengan tanda-tandanya. Dan kamu benar-benar akan mengenal mereka daripada kiasan-kiasan perkataan mereka dan Allah mengetahui perbuatan-perbuatan kamu.”* (Al-Quran, Muhammad, 47:30).

Berhubungan dengan hal ini, sabda Rasulullah SAW, maksudnya:

*“Awaslah kamu dengan firasat orang yang beriman, kerana mukmin itu memandang sesuatu adalah dengan cahaya Allah SWT. Kemudian Rasulullah SAW membaca ayat: Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang memerhatikan tanda-tanda.”*

Maka dapat disimpulkan bahawa firasat ialah pencerahan yang diletakkan Allah SWT di dalam hati mukmin yang soleh sehingga mereka mengetahui perihai manusia, alam, peristiwa dan sekitaran menerusi cerapan, tanggapan dan pertimbangan yang telah menjadi sebahagian daripada keperibadian dan pandangan dunianya. Dengan kata lain, firasat bukan sekadar melibatkan pemikiran, tetapi merangkum pengalaman atau penghayatan manusia seperti dalam pandangan Muhammad Iqbal berikut:

*“Tiada keraguan bahawa penerimaan pada pengalaman beragama sebagai sumber ilmu ketuhanan, adalah lebih awal menurut sejarah, daripada penerimaan pada pengalaman manusia yang lain bagi tujuan yang sama. Al-Quran, yang akur bahawa sikap empirikal ialah tahap yang tidak boleh dinafikan dalam kehidupan spiritual bagi manusia, memberi kepentingan yang sama kepada kesemua pengalaman manusia yang menawarkan ilmu tentang Realiti yang menyerlahkan simbol-simbol secara dalaman mahupun luaran. Satu cara yang tidak langsung untuk menjalin hubungan dengan Realiti yang berhadapan dengan kita adalah dengan memerhatikan dan mengawal simbol-simbol ketika ia terserlah dalam cerapan indera; cara yang satu lagi adalah penyatuan langsung dengan Realiti yang muncul secara dalaman”* (Iqbal 1982:15-16 terj. saya).

Penting untuk dicatatkan di sini bahawa Muhammad Iqbal membicarakan tentang dua tahap firasat atau pencerapan terhadap Realiti. Nur Al-Adin Al-Raniri (2022) juga membicarakan dua tahap tersebut:

*Maka yang empunya firasat itu terbagi kepada dua bahagian: Pertama, mutawassim namanya iaitu mengetahui dengan tanda yang dalam hati orang dengan mengambil dalil. Kedua, mutaqqarris namanya iaitu mengetahui dengan cahaya yang dianugerahi Allah Ta’ala akan dia, iaitulah daripada martabat iman. Seperti firman Allah Ta’ala yang tersebut dalam Quran (Hendaklah kamu menjadi orang Rabbani, Ali Imran 3:79, tambahan saya). Ertinya: Jadilah kamu ulama lagi hukama yang memerangkaikan perangai haqq Ta’ala dengan menilik (Al-Raniri 2022:43-44).*

Seterusnya, timbul suatu persoalan: apakah prinsip yang memudahkan cahaya firasat menyerap dalam diri manusia pilihan? Reviu induktif ke atas beberapa dimensi kehidupan berusaha untuk memurnikannya.

### **Penghayatan Firasat Dalam Dimensi Kerohanian**

Maksud ayat Al-Quran, An-Nur, 24:35 yang termasyhur:

*“Allah (Pemberi) cahaya (kepada) langit dan bumi. Perumpamaan cahaya-Nya, seperti sebuah lubang yang tidak tembus, yang di dalamnya adalah pelita besar. Pelita itu di dalam balang kaca (dan) balang kaca itu bagaikan bintang yang berkilauan, yang dinyalakan dengan minyak dari pohon yang diberkahi, (iaitu) pohon zaitun yang tumbuh tidak di timur dan tidak di barat, yang minyaknya (sahaja) hampir-hampir menerangi, walaupun tidak disentuh api. Cahaya di atas cahaya (berlapis-lapis). Allah memberi petunjuk kepada cahaya-Nya bagi orang yang Dia kehendaki, dan Allah membuat perumpamaan-perumpamaan bagi manusia. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.”*

Mungkin timbul pertanyaan: apakah korelevanan dan signifikan ayat tersebut dengan penghayatan firasat? Maka penyelidikan ini menurunkan analisis induktif yang memurnikan lima prinsip penghayatan firasat yang terkandung padanya:

**Prinsip Kepaduan** – Pengertian tiga rangkaian cahaya seperti yang tersebut di atas tidak terpisah-pisah, malah berkait dan saling menyelinap dan menyinari. Hubungan antara Cahaya, Pemberi hidayah kepada manusia yang pada fitrahnya mempunyai hati yang bercahaya, adalah akrab, lembut dan halus. Selain itu, manusia wujud di dunia yang diterangi cahaya daripada Sumber cahaya itu sendiri secara alamiah. Jadi hubungan antara Tuhan dengan manusia dan alam adalah padu dan sehati, apatah lagi setelah Allah SWT meniupkan roh-Nya ke dalam diri manusia sebelum dia dilahirkan di dunia.

**Prinsip Keseimbangan** – Minyak yang hampir menerangi walaupun tidak disentuh api, ialah gambaran fitrah Allah SWT mengenai hati. Ia menyalakan hati yang diibaratkan sebagai ‘pelita dalam kaca’, dan minyaknya bersumber daripada pohon zaitun yang ‘tidak tumbuh di timur atau di barat’. Pohon zaitun itu, menurut sebahagian tafsir ialah roh manusia sendiri yang pada fitrahnya, wujud dalam *keseimbangan* kejadian iaitu tidak berpihak di mana-mana, timur atau barat, maksudnya bersih dan mandiri daripada pengaruh keduniaan dari segi tempat, arah, masa dan peristiwa, kecuali untuk mengabdikan diri kepada Tuhan Azza wa Jalla bagi menjamin kestabilan dan ketenangan kepada diri.

Namun begitu, setelah dilahirkan, diri manusia mula condong, berpihak-pihak dan hilang *keseimbangan* fitrah Allah SWT jika hatinya berbolak-balik dan disaluti dosa serta terjejas dengan segala macam pengaruh yang menutup cahaya atau hidayah hingga hidupnya menjadi tidak stabil dan tenang:

Daripada Anas bin Malik RA berkata: Adapun Nabi SAW banyak membaca, “*Wahai Dzat yang membolak-balikkan hati, teguhkanlah hatiku agar ia berada di atas agamu*”. Kemudian aku pun bertanya, “*Wahai Rasulullah SAW, kami beriman kepadamu dan kepada apa yang kamu telah bawa, lalu apakah kamu masih bimbang kepada kami?*” Baginda SAW menjawab, “*Ya, kerana sesungguhnya hati manusia itu berada di antara dua jari daripada jari-jari Allah SWT yang mana Dia akan membolak-balikkannya mengikut kehendak-Nya*”(HR Tirmizi 2140, hadis hasan).

Justeru itu, hati harus sentiasa dibersihkan dan disucikan melalui solat, zikir dan ibadah yang terangkum sebagai pengabdian berterusan kepada-Nya untuk mengembalikan dan menjamin *keseimbangan* dan kesejahteraan dalam dirinya.

Prinsip *Keharmonian* – Jika hati yang pada fitrahnya adalah bercahaya bertemu dengan cahaya hidayah daripada Allah SWT, maka kesannya adalah pengertian kepada kebenaran dan keimanan yang mendalam, halus, berlapis dan harmonis dalam keselamatan dan kesejahteraan:

*Dengan kitab itulah Allah menunjuki orang-orang yang mengikuti keredhaan-Nya ke jalan keselamatan, dan (dengan kitab itu pula) Allah mengeluarkan orang-orang itu dari gelap gelita kepada cahaya yang terang benderang dengan seizin-Nya, dan menunjuki mereka ke jalan yang lurus (Al-Quran, Al-Maaidah, 5:15).*

*Orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah, hanya dengan mengingat Allah, hati menjadi tenteram (Al-Quran, Ar-Ra'd, 13:28).*

Prinsip *Kejelasan* – Pengertian cahaya di atas cahaya itu sendiri merujuk kepada *kejelasan* yang berlapis menurut persediaan dan kemampuan diri manusia sendiri untuk mencerap dan menghayatinya. Hati yang beriman akan merasakan kemanisan daripada *kejelasan* makna pada kewujudan dan pengabdian:

*“Wahai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu bukti kebenaran daripada Tuhanmu, (Muhammad dengan mu'jizatnya) dan telah Kami turunkan kepadamu cahaya yang terang benderang (iaitu Al-Quran)” (Al-Quran, An-Nisaa, 4:174).*

*“Pada hari ketika kamu melihat orang mukmin lelaki dan perempuan, sedang cahaya mereka bersinar di hadapan dan di sebelah kanan mereka, (dikatakan kepada mereka): “Pada hari ini ada berita gembira untukmu, (iaitu) syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, yang kamu kekal di dalamnya. Itulah keberuntungan yang besar” (Al-Quran, Al-Hadid, 57:12).*

Prinsip *Kesyumulan* – Kesatuan hubungan antara Allah SWT, manusia dan alam melalui pancaran cahaya pada alam dan hati manusia, dan makna cahaya yang berlapis daripada hubungan tersebut, menawarkan hasrat dan pengabdian yang lengkap atau syumul:

*“Dan Kami turunkan kepadamu Al Kitab (Al-Quran) untuk menjelaskan segala sesuatu dan petunjuk serta rahmat dan khabar gembira bagi orang-orang yang berserah diri” (Al-Quran, An-Nahl, 16:89).*

*“Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam agama Islam sepenuhnya dengan mematuhi segala hukum-hukumnya, dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang dan nyata” (Al-Quran, al-Baqarah, 2:208).*

Natijahnya, pelbagai petunjuk (cahaya) menghinggap tubuh, naluri, minda dan hati manusia yang beriman, soleh dan bertakwa. Petunjuk tersebut berupa wahyu, intelek dan ilham. Seterusnya, perbezaan dan hubungan antara intelek dengan ilham, atau yang dikenali juga sebagai intuisi perlu dibahaskan.

Intelek merupakan kemampuan minda (*sadr*) yang dianugerahkan Allah SWT kepada manusia untuk berfikir secara rasional, objektif, menurut logika dan secara munasabah. Ilham atau intuisi pula ialah cetusan idea yang terlintas di hati (*qalb*, *fu'ad*, *lubb*). Merujuk kepada hubungan antara pemikiran dengan intuisi (ilham) Muhammad Iqbal menjelaskan:

*Maka tiada sebab untuk mengandaikan bahawa pemikiran dan intuisi pada hakikatnya adalah bertentangan antara satu dengan yang lain. Yang satu menggarap Realiti secara terasing, yang lagi satu menggarapnya secara keseluruhan. Yang satu menetapkan renungannya pada yang abadi, yang lagi satu pada aspek temporal Realiti; yang satu menikmati kekinian mengenai keseluruhan Realiti, yang lagi satu berhasrat merentas kesyumulannya dengan perlahan-lahan menentukan dan merapatkan pelbagai daerah dalam kesyumulan untuk pemerhatian yang eksklusif. Kedua-duanya saling memerlukan bagi peremajaan bersama. Kedua-duanya mencari visi mengenai Realiti yang sama yang terserlah kepada kedua-duanya menurut fungsi masing-masing dalam kehidupan. Yang nyata, intuisi...hanyalah sejenis intelek yang lebih tinggi (Iqbal 1982:2-3, terj. saya).*


Dalam hal menggambarkan potensi intelek atau pemikiran, Muhammad Iqbal menambah penerangannya:

Pada hakikatnya, pemikiran tidak statik, ia dinamik dan menyerlahkan ketidakbatasan dalamannya pada masa, seperti benih yang pada asalnya mengandungi suatu kesatuan organik sebuah pohon sebagai kenyataan masa kini. Maka pemikiran, sebagai kesyumulan dalam inisiatif dinamik ke atas visi temporal, terserlah sebagai rangkaian spesifikasi yang tidak dapat dimengerti kecuali sebagai rujukan bertimbal balik. Makna baginya bukan pada identiti tersendiri, tetapi dalam kesyumulan yang lebih besar di mana ia adalah aspek yang spesifik. Kesyumulan yang lebih besar itu, secara simbolik ialah ‘Luh Mahfuz’ yang menampung keseluruhan kemungkinan yang tidak terjangka mengenai ilmu sebagai realiti masa kini, yang terserlah dalam untaian masa yang sebenarnya wujud di dalamnya (Iqbal 1982:6 terj. saya).

Persoalannya, apakah rangkaian prinsip yang berupaya menganjakkan pemikiran ke taraf intuisi yang dapat mencerap dan menggarap ‘*kesyumulan yang lebih besar*’ yang dikaitkan secara simbolik dengan ‘*Luh Mahfuz*’ tersebut?

Dalam konteks perbincangan mengenai potensi intelek, penyelidikan ini mengajukan gagasan bahawa ‘visi temporal’ yang dimaksudkan Muhammad Iqbal merupakan artikulasi minda (*sadr*) untuk melakar dan membina gambaran realiti menerusi kerangka pemikiran yang rasional, objektif, menurut logika dan kewajaran. Muhammad Iqbal yang menawarkan gagasan bahawa jangkauan pemikiran berpotensi tiada batasan, menjemput kemungkinan bahawa keadaan ini boleh berlaku jika cerapan menerusi tubuh, naluri dan minda (*sadr*) yang merupakan fakulti intelek, melintas dari domain temporal ke domain kerohanian dan berganding dengan fakulti hati lain yang merangkum *qalb*, *fu’ad* dan *lubb* agar jangkauannya dapat menjejak ‘Luh Mahfuz’.

Berikut ialah rajah yang menggambarkan pengaliran *ilham* daripada Allah SWT yang diterima manusia pilihan menerusi, tubuh, naluri, minda (*sadr*), *qalb* dan *fu’ad* bagi mencerap lapisan alam lahiriah, alam psikik dan alam kerohanian, bagi meraih pelbagai jenis pencerahan seperti digambarkan pada rajah tersebut. Sebagai fokus, rajah berikut menggambarkan rangkaian prinsip penghayatan firasat yang merangkum *kepaduan*, *keseimbangan*, *keharmonian*, *kejelasan* dan *kesyumulan* dalam penghayatan. Namun rajah di bawah ini tidak menggambarkan pencerahan daripada cerapan menerusi *lubb* pada peringkat yang lebih tinggi. Penerangan mengenai aspek ini menyusul kemudiannya.



Rajah Ilham daripada Allah & Potensi Pencerahan bagi Manusia menerusi Penghayatan Firasat

Dalam hal bersangkutan rajah di atas, diturunkan pendapat Muhammad Iqbal:

*Satu cara yang tidak langsung untuk menjalin hubungan dengan Realiti yang berhadapan dengan kita adalah dengan memerhatikan dan mengawal tanda-tanda ketika ia terserlah dalam cerapan indera...Dengan matlamat untuk mendapatkan visi menyeluruh mengenai Realiti, maka cerapan indera mesti disempurnakan dengan cerapan yang dipanggil al-Quran sebagai 'fu'ad', atau 'qalb' iaitu hati (Iqbal 1982:15 terj. saya).*


Namun pendapat Muhammad Iqbal harus dikemaskini dengan memasukkan *lubb* sebagai fakulti cerapan yang tertinggi, kerana *lubb* merupakan hakikat kepada hati yang murni dan tidak bergeser, selain cerapan tubuh, naluri, minda (*sadr*), *qalb* dan *fu'ad* yang dibincangkan di atas. Hanya *lubb* yang berupaya mencerap dan mengesahkan cahaya Tauhid yang tidak mampu difahamkan dengan sepenuhnya oleh fakulti cerapan manusia yang lain. Ia memerlukan pengesahan daripada pencerahan wahyu yang isma' dan qath'i. Menurut Rumi:

Makanan dan nutrisi roh adalah kalam Tuhan, tanpa kata dan tanpa suara. Ketika mereka lahir ke dunia ini sebagai bayi, kemudian mendengar kalam tersebut, mereka sama sekali tidak mengingat keadaan mereka sebelumnya...sebahagian manusia bisa mengingat sedikit kalam Tuhan itu...Merekalah orang beriman.



Ketika mereka mendengar kalam Tuhan itu, tampaklah di depan pandangan mereka keadaan itu sebagaimana yang pernah terjadi di alam sana dahulu. Semua hijab tersingkap dari mereka. Mereka masuk ke kondisi wishal (terputus dari semua selain Allah, tersingkapnya hijab dari hati dan menyaksikan Allah). Mereka adalah para nabi dan para wali (Rumi 2002:143).

Maka sebagai rumusan, penghayatan firasat yang tercetus daripada ilham yang mentah dan menghasilkan pencerahan yang setimpal dengan darjat pengabdian manusia pilihan, kemudian berpotensi bergabung dengan pencerahan daripada wahyu dan pencerahan daripada intelek untuk meraih penghayatan firasat pada tahap yang lebih lengkap, tinggi dan murni. Gabungan pencerahan sedemikian ialah pancaran makna yang tepat bagi ungkapan ‘cahaya di atas cahaya’ dalam ayat Al-Quran, An-Nur, 24:35, kerana ia melibatkan gabungan tiga lapisan pencerahan:



Rajah Gabungan Pencerahan Melalui Penghayatan Firasat

Justeru sebagai rumusan bagi perbincangan mengenai penghayatan firasat dalam dimensi kerohanian ini, diturunkan secara muktamad definisi firasat yang terbahagi kepada dua tahap, bersesuaian dengan pendapat Nur Al-Din Al-Raniri (2022) dan Muhammad Iqbal (1982):

- a) Pada tahap pertama, firasat ialah pencerahan yang diraih manusia pilihan daripada *ilham* yang diterima daripada Allah SWT, yang dicerap tubuh, naluri, minda (*sadr*), *qalb* dan *fu'ad* mengenai alam lahiriah, alam psikik dan alam kerohanian



berdasarkan *kepaduan, keseimbangan, keharmonian, kejelasan* dan *kesyumulan* penghayatan.

- b) Pada tahap selanjutnya, firasat ialah pencerahan yang terhasil daripada *kepaduan, keseimbangan, keharmonian, kejelasan* dan *kesyumulan* lapisan pencerahan daripada gabungan wahyu, ilham dan intelek menerusi tubuh, naluri, *sadr* (minda), *qalb, fu'ad* dan terutamanya, *lubb*.

Maka dapat disimpulkan secara muktamad bahawa penghayatan firasat, sama ada pada peringkat awal atau pada tahap tertinggi, wajib melibatkan unsur *kerohanian* yang tercerap oleh minda (*sadr*), dan kemudiannya oleh hati (*qalb, fu'ad, lubb*). Tanpa lintasan ke dimensi kerohanian yang melibatkan hati, apa sahaja ilham yang diterima daripada cerapan atau tanggapan manusia mengenai realiti, bukan *firasat*.

### **Penghayatan Firasat Dalam Dimensi Fisiognomi**

Berikut ialah analisis induktif mengenai penghayatan firasat dalam dimensi fisiognomi iaitu amalan menilai watak atau keperibadian seseorang melalui penampilan luaran mereka iaitu wajah dan tubuh. Dalam hal ini, Fakhruddin Ar-Razi (2019) memberi penjelasan yang sistematik pada bingkai pandangan dunia Islam dalam tiga bahagian. Pertama, adalah mengenai firasat dan *mijaz* (keadaan jasmani dan rohani), keutamaan, pembahagian, metode penarikan kesimpulan ilmu firasat dan teknik untuk mengetahui watak dan keperibadian seseorang, dan petanda yang diperhatikan ketika menggunakannya. Kedua, adalah mengenai ciri keperibadian yang ideal, watak pada empat tahap usia, keadaan ekonomi seseorang, dan lingkungan atau letak geografik. Ketiga, ialah petunjuk yang berasal daripada organ tubuh dan kelakuan manusia. Beberapa kesimpulan asas yang dapat diraih daripada penerangan di atas adalah:

- a) Wujud *kepaduan* pada hubungan antara keadaan lahiriah seperti tubuh, serta lingkungan geografik dengan telatah dan keperibadian seseorang:

*Negeri dan permukiman yang panas akan menyebabkan melebarnya pori-pori. Hal ini akan menyebabkan melemahnya panas internal dan menurunnya kekuatan rohaniyah. Kedua hal ini akan menyebabkan orang-orang yang mengalaminya menjadi penakut dan daya cerna (pengolahan dalam tubuh) mereka melemah. Sementara permukiman yang dingin biasanya penduduknya memiliki tubuh yang kuat, lebih pemberani, dan memiliki pencernaan yang (daya pengolahan dalam tubuh) lebih baik (Ar-Razi 2019:151).*

Pemerhatian ini bermakna lingkungan, tubuh, naluri, minda dan hati seseorang tidak dapat dipisahkan dalam ertikata adalah sehati dalam keberadaan dan pengaruh antara satu dengan yang lain. Selanjutnya, kesihatan tubuh memberi petanda awal tentang keadaan minda serta hati yang sihat. Begitu juga, *keharmonian* antara pelbagai elemen dalam lingkungan seperti iklim dan tempat tinggal yang sesuai dan aman membawa kestabilan dan kesejahteraan kepada tubuh, naluri, minda, dan hati seseorang.

- b) Wujud hubungan jelas dan berbekas antara sistem ekonomi seseorang dengan keperibadiannya:

*Orang-orang kaya memiliki kebiasaan ingin menguasai orang banyak, menganggap remeh kaum jelata, dan meyakini bahawa merekalah orang terbaik kerana mereka mampu meraih segala bentuk kebaikan...menganggap orang lain selalu merasa iri terhadap mereka sebab merekalah pemilik kesempurnaan...mereka menjadi sangat tamak untuk memiliki harta dan bersikap kikir...semua sifat ini muncul kerana mereka mendapatkan rezki dengan mudah dan tidak perlu bekerja keras (Ar-Razi 2019:148-150).*

Hubungan antara sistem ekonomi dengan keperibadian ini dapat dipanjangkan kepada sistem politik, sosial, psikologi, pendidikan dan kerohanian. Maka perlu melihat dan menganalisis keseluruhan atau *kesyumulan* pada keadaan hidup seseorang yang merangkum rangkaian sistem yang mencorak hidupnya, demi membuat penilaian yang adil dan saksama terhadap masalah yang dihadapinya, lalu mencari penawar yang menawarkan *keharmonian* dan *keseimbangan* dalam hidupnya.

- c) Cara mendapatkan diagnosis mengenai keadaan tubuh, naluri, minda dan hati seseorang adalah dengan pemerhatian objektif dan empirikal menerusi sebab dan akibat, serta akibat daripada sebab:

*Perlu anda ketahui bahawa membaca keperibadian tidak boleh dilakukan sebelum membaca keadaan-keadaan yang membentuk keperibadian tersebut. Selain itu tubuh manusia merupakan sesuatu yang diciptakan...harus memiliki empat sebab, iaitu kausa materialis (bahan), kausa formalis (bentuk), kausa efisien (karya) dan kausa finalis (tujuan)...Hasil yang ingin diraih...adalah pengetahuan atas kondisi batiniah melalui pengamatan kondisi lahiriah. (Ar-Razi 2019:56-58).*

Kaedah ini penting untuk meraih kefahaman yang jitu, terbukti, bertalian dan padu demi mencapai *kejelasan* dan ketepatan dalam analisis dan kesimpulan.

- d) Terdapat penghayatan ilmu firasat yang kembali kepada al-Quran dan as-Sunnah serta keterikatan dan dukungan daripada ilmu lain. Fakhruddin Ar-Razi ialah seorang imam ahli tafsir, cemerlang pada masanya baik di bidang logika (*al-ma'qul*), teks agama (*al-manqul*) mahupun ilmu kuno (Ar-Razi 2019:24). Maksudnya, penerangan dan pencerahan daripada beberapa sumber yang sahih ialah kaedah penting dalam penilaian sesuatu perkara, demi mencapai *keseimbangan* analisis dan *kejelasan* kefahaman.
- e) Ciri keperibadian yang ideal adalah yang *i'tidal* (seimbang dan berkadar) dan bukan *i'tilaf* (tidak seimbang dan tidak berkadar):

*Tanda-tanda orang yang memiliki keperibadian ideal adalah: dari segi mental...semakin sempurna aktivitas mentalnya, semakin ideal keperibadiannya...gerakannya sangat cekatan...daya bentuk, perawakannya berimbang. Dari segi daya serap; semakin sempurna kemiripannya, semakin seimbang mijaznya. Dari segi daya cerna, warna kulitnya antara hangus dan belum matang. Dari segi daya tahan, sekresi dan saluran-salurannya cukup baik...Ciri-ciri orang yang memiliki keperibadian tidak seimbang adalah terjadi ketidaksesuaian antara sebahagian anggota tubuh dengan sebahagian lainnya, baik dalam postur mahupun struktur (Ar-Razi 2019:115-116).*

Natijahnya, jika tubuh, naluri, minda dan hati seseorang adalah seimbang dan harmoni, maka diri adalah sihat. Sebaliknya, jika tidak seimbang atau celaru, dirinya adalah sakit.

Daripada analisis induktif dalam dimensi fisiognomi di atas, dapat dinyatakan secara definitif bahawa prinsip *kepaduan, keseimbangan, keharmonian, kejelasan* dan *kesyumulan*, ialah asas yang jelas dalam pengertian dan penghayatan firasat.

### **Penghayatan Firasat dalam Perubatan Melayu**

Satu lagi dimensi kehidupan yang memaparkan penghayatan firasat ialah perubatan Melayu. Abbas Kuta Karang (2017) yang berasal dari Aceh Dar Al-Salam ialah pakar perubatan Melayu yang telah menulis *Kitab Perubatan Melayu Al-Rahmah Fi Al-Tibb Wa Al-Hikmah* pada abad ke-17. Antara lain kandungan kitab tersebut merangkum ilmu tabiat manusia, kebaikan makanan dan ubat-ubatan yang membawa kesihatan, ubat-ubatan bagi penyakit setiap anggota khusus dan bagi penyakit umum. Dengan kata lain, ia merangkum ilmu yang berusaha menjaga tubuh ketika sihat, dan mengembalikan tubuh ke keadaan sediakala apabila sakit.

Baginya, asas ilmu perubatan Melayu ialah ilmu mengenal tabiat manusia yang berkaitan dengan susunan atau lapisan unsur galian, tumbuhan dan haiwan yang terdapat di muka bumi, dan menawarkan ubat-ubatan yang sesuai dan berkesan kepada tubuh manusia. Tabiat manusia itu terbahagi kepada *hararah* (hangat), *burudah* (sejuk) dan campurannya yang menjadikan *hararah* kering dan *burudah* basah. Maka timbullah tabiat *hayah* dengan tingkatan tersendiri. Dalam diri manusia, wujud anasir api (*khilt al-Safrai*), angin (*khilt al-Dammi*), air (*khilt al-Baghmi*) dan tanah (*khilt al-Sawadi*). Dalam hal ini, kesihatan tubuh bergantung kepada *kepaduan, keseimbangan* dan *keharmonian* antara keempat-empat anasir tersebut. Jika diagnosis menunjukkan sebaliknya, maka tubuh berada dalam keadaan sakit.

Bagi mengubat tubuh yang sakit, bahan-bahan seperti madu, minyak sapi, halia, bawang putih, jintan hitam, lidah buaya, minyak zaitun, kapur, biji kapas, garam dan lain-lain digunakan sebagai ubat yang sesuai dengan punca yang menimbulkan kelonggaran, ketidakseimbangan dan kecelaruan antara anasir yang bercanggahan dalam tubuh yang sakit.

Selain itu, usaha seperti berbekam, amalan memakan secara sederhana, mengawal bicara dan hawa nafsu ketika kedukaan, percintaan, kesukaan dan kesenangan juga dijelaskan dalam kitab tersebut. Hal ini menyangkut kerohanian, maka diusulkan juga rangkaian doa yang sesuai bagi mengembalikan kesejahteraan dan ketenangan kepada minda, jiwa dan hati. Tabib tidak hanya meneliti keadaan lahiriah pesakit, tetapi mendiagnos keadaan minda dan hatinya. Dengan kata lain, ilmu perubatan Melayu ini menawarkan kesembuhan kepada penyakit rohani dan jasmani.

Ternyata ilmu perubatan itu memberi penerangan lengkap yang menyerlahkan *kejelasan* dan *kesyumulan* dari segi penelitian, pertimbangan dan rawatan, serta pencegahan dan pelestarian agar *kepaduan, keseimbangan* dan *keharmonian* kepada kesihatan tubuh, naluri, minda, jiwa dan hati dapat dijamin.

### **Penghayatan Firasat dalam Pengadilan**

Ibnu Qayyim Al-Jauziyah (1986) membicarakan tentang penghayatan firasat yang tertumpu kepada proses kesaksian dan pengadilan. Secara dasarnya, ia merujuk kepada gerak hati atau

firasat pemimpin atau kadi untuk mengambil keputusan dengan cepat dan tepat serta mengungkap kebenaran dan mendedahkan kebohongan yang tersembunyi di balik pernyataan pihak yang menuduh atau tertuduh. Dalam contoh-contoh yang dikemukakan, kesaksian dan pengadilan dibuat oleh kadi atau pemimpin berdasarkan:

- a) *imarat* iaitu bukti zahir,
- b) pernyataan kedua-dua pihak yang bertentangan serta saksi,
- c) pemerhatian terhadap kelakuan dan bahasa tubuh yang menuduh dan tertuduh,
- d) keadaan jiwa dan niat mereka, dan
- e) firasat kadi atau pemimpin sendiri setelah meneliti dan menimbangkan kesemuanya.

Contoh pertama ialah kisah dalam al-Quran tentang Nabi Yusuf a.s yang dituduh cuba memperkosa seorang jelitawan daripada golongan pembesar. Si wanita mengatakan Nabi Yusuf a.s tertarik kepadanya lalu cuba menggodanya, manakala Nabi Yusuf a.s tegas menafikannya. *Imarat* yang diteliti adalah keadaan baju Nabi Yusuf a.s yang terkoyak di bahagian belakang. Menerusi penghayatan firasat seorang saksi daripada keluarga mereka yang kemudiannya dipertimbangkan suami jelitawan itu, suaminya memutuskan bahawa Nabi Yusuf a.s berkata benar manakala wanita tadi telah berbohong kerana terbukti bahawa dia yang menyerang dan meragut pakaian Nabi Yusuf a.s dari belakang lalu mengoyaknya.

Contoh kedua juga terjadi pada zaman pemerintahan Khalifah Umar ibn Khatab r.a. Seorang sahabat, Jaafar bin Muhammad telah membawa seorang wanita yang mengadu dan mendakwa bahawa seorang pemuda Ansar telah memperkosanya, lalu dia menunjukkan kesan air mani pada pakaiannya sebagai bukti. Namun pemuda yang tertuduh menafikannya dengan keras. Khalifah Umar ibn Khatab r.a kemudian merujuk hal tersebut kepada Saidina Ali ibn Thalib r.a untuk memberi pandangan dan membuat keputusan. Menerusi firasatnya, Saidina Ali ibn Thalib r.a meminta sebuah bejana yang mengandungi air yang mendidih. Setelah itu, beliau menjirus air panas itu ke atas bekas air mani tersebut yang kemudian menjadi putih. Kemudian beliau merasanya dengan lidah dan mendapati bahawa bekas air mani tersebut sebenarnya ialah bahagian putih telur. Ternyata wanita itu telah berbohong dan cuba menganiaya pemuda Ansar yang pernah menolak pujukannya (Ibn Qayyim 1986:47).

Contoh ketiga adalah perihal seorang anak muda dari golongan Ansar telah bertemu dengan Khalifah Umar ibn Khatab r.a dan mengaku seorang wanita tua sebagai ibunya, tetapi wanita tersebut menyangkalnya. Khalifah Umar ibn Khatab r.a meminta bukti daripada anak tersebut tetapi dia tidak dapat memberinya. Wanita tersebut lalu menampilkan beberapa saksi bahawa dia belum pernah bernikah dan anak tadi telah berbohong. Maka Khalifah Umar ibn Khatab r.a memerintahkan agar anak tadi dihukum pukul kerana berbohong. Peristiwa itu sampai kepada Saidina Ali ibn Thalib r.a dan dia meminta orang yang menyaksikan peristiwa itu memberikan penerangan. Setelah mendengarnya, dia memanggil wanita tadi lalu bertanya perihal anak tersebut, namun dia tetap menafikan bahawa dia adalah ibunya. Lalu Saidina Ali ibn Thalib r.a bertanya kepada anak tadi, “Adakah ayahmu juga mengingkari seperti wanita itu mengingkari?” Lalu anak itu menjawab, “Wahai anak paman Rasulullah, dia ibuku.” Kemudian Saidina Ali ibn Thalib r.a bertanya kepada para saksi (wali) wanita itu, “Bolehkah aku ajukan permintaan kepada wanita itu?” Mereka menjawab, “Ya, tentu saja boleh.” Lalu Saidina Ali ibn Thalib r.a berkata, “Wahai hadirin sekalian, saksikanlah bahawa aku nikahkan anak ini dengan wanita yang bukan muhrimnya.” Kemudian beliau berkata kepada anak tadi, “Bawalah isterimu, dan jangan kembali sebelum bermalam pertama.” Ketika Saidina ibn

Thalib r.a Ali hendak beredar, wanita tadi memanggilnya, “Wahai ayah Hasan, demi Allah, ini adalah neraka bagiku. Demi Allah, dia anakku.” (Ibn Qayyim 1986:45-46).

Daripada contoh-contoh di atas dapat dirumuskan bahawa tujuan kadi atau pemimpin adalah memastikan bahawa keadilan ditegakkan demi menjamin *keharmonian* masyarakat di balik kesemua keputusan yang dibuat. Pengadilan dijalankan dengan melihat dan meneliti keseluruhan atau *kesyumulan* bukti lahiriah berupa *imarat*, pernyataan kesemua pihak, kelakuan dan bahasa tubuh serta keadaan jiwa mereka yang terlibat, agar keputusan yang diambil memaparkan *kepaduan* dan *kejelasan* bukti demi mencapai *keseimbangan* penilaian yang lebih dekat kepada keadilan.

Berikut pula, diturunkan contoh daripada manifestasi budaya orang Melayu yang menunjukkan bahawa penghayatan firasat adalah sehati dengan pandangan dunia orang Melayu pada zaman dahulu.

### **Penghayatan Firasat dalam Objek Budaya Orang Melayu**

Menurut Jelani Harun (2000):

Ilmu firasat Melayu merupakan khazanah warisan keilmuan Melayu zaman silam. Ilmu tersebut hidup dan berkembang berdasarkan pemerhatian dan pengalaman yang telah dilalui oleh masyarakat silam dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi. Seharusnya ilmu tradisi ini, sama ada dalam bentuk yang berkaitan dengan manusia atau alam, dihidupkan semula dalam era pascamoden kini. Dalam konteks kehidupan seharian, ilmu ‘psikologi orang Melayu’ tersebut berperanan dalam membantu manusia membentuk keperibadian unggul, khususnya dalam menangani kemelut kehidupan yang kian canggih ini (Jelani Harun 2000:30-31).

Maka penyelidikan berikut ditumpukan kepada beberapa contoh adat resam dan objek budaya orang Melayu seperti bunga rampai, keris dan baju Melayu yang jelas menggambarkan penghayatan firasat dalam konteks kehidupan seharian dan ilmu ‘psikologi orang Melayu’:

*Bunga Rampai* – Objek budaya ini hadir ketika orang Melayu menyambut majlis kelahiran bayi, cukur rambut, turun tanah, berkhatan, pertunangan, pernikahan, kenduri kesyukuran dan kematian. Bunga rampai yang digubah daripada pelbagai jenis bunga dan hirisan daun pandan yang direnjis minyak wangi, ditabur di atas dulang atau ke dalam tepak, atau diisi dalam kelongsong khas atau sapu tangan, menghiasi suasana dan menyambut tetamu yang datang ke majlis. Keharumannya melambangkan pertautan yang erat, halus dan indah antara adat resam, hubungan kemasyarakatan, seni, budaya dan agama. Dengan kata lain, pemaknaan nilai yang berkait dengan bunga rampai memancarkan *kepaduan*, *keseimbangan*, *keharmonian*, *kejelasan* dan *kesyumulan* pada pengertian dan amalan seni, adat resam, ikatan sosial, budaya dan agama yang terserlah dalam ranah kemasyarakatan dan kehidupan orang Melayu. Tiada pemisahan antara rangkaian dimensi budaya tersebut, malah saling melengkapi, menyuburkan dan mengindahkan kehidupan.

*Keris* – Pandangan masyhur ialah keris berasal dari Indonesia, khususnya di Tanah Jawa dan kemudian menular dan menjadi sebahagian daripada kehidupan orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Pada mulanya, ia dipakai oleh golongan bangsawan atau elit dan melambangkan kedudukan atau status mereka. Kemudian ia juga digunakan oleh golongan bawahan sebagai senjata untuk mempertahankan diri. Keris juga melambangkan diri seseorang, misalnya jika dia tidak dapat hadir pada suatu majlis yang penting, dia akan menghantar

kerisnya sebagai wakil. Setiap ahli keluarga lelaki juga menerima keris pusaka yang diturunkan khusus kepadanya oleh bapanya. Keris juga dibersihkan daripada karatnya iaitu ‘dimandikan’ pada hari-hari tertentu seperti awal Muharam yang dianggap suci dan barakah dengan bacaan mantera dan ayat Al-Quran. Selain itu, keris bukan sahaja senjata yang diperbuat daripada besi dan kayu. Setiap daerah di Nusantara menghasilkan bentuk atau patrem keris yang khusus dan unik dari segi desain pada bilah dan warangkanya. Setiap daerah menawarkan falsafah dan nilai tersendiri yang dikaitkan dengan bentuk dan hiasan keris tersebut.

Jelasnya, antara objek budaya, kegunaan sehari-hari, wakil diri, identiti kelompok, nilai dan falsafah hidup serta sistem sosial dan kepercayaan agama, wujud pertalian erat dan kukuh yang menyerlahkan kekayaan makna seperti yang tergambar dalam prinsip penghayatan firasat, iaitu *kepaduan, keseimbangan, keharmonian, kejelasan dan kesyumulan*.

*Baju Melayu* – Baju Melayu terbahagi kepada dua bahagian iaitu baju (seakan-akan kemeja lengan panjang) dan seluar panjang, dilengkapi kain samping dan songkok atau setanjak. Pakaian tradisional ini mempunyai dua jenis garisan leher iaitu cekak musang dan teluk belanga. Rekaannya bukan sekadar untuk kelihatan bergaya, sebaliknya mempunyai falsafah dan pengertian mendalam yang mengangkat kemuliaan Islam dan ketinggian budaya masyarakat Melayu. Contohnya, lima butang baju Melayu melambangkan rukun Islam manakala butang satu pada baju Melayu teluk belanga dikaitkan dengan Tauhid yang memancarkan kepercayaan mutlak kepada Tuhan Yang Esa. Selain itu, tiga saku di hadapan baju melambangkan Iman, Islam dan Ihsan, manakala kain samping pula membawa maksud ketertiban dan kesungguhan menjaga maruah, aurat dan syahwat. Pemakaian kain samping di bawah lutut bermaksud si pemakai sudah berkahwin, manakala di atas lutut bermaksud masih bujang. Jelas baju Melayu menunjukkan pandangan dunia orang Melayu yang menyatukan objek, subjek dan makna kehidupan dalam ranah kehidupan sehari-hari, seni, budaya dan agama yang kaya dan berlapis juga.

Sebagai rumusan, penghayatan firasat dalam adat resam dan objek budaya seharian orang Melayu seperti bunga rampai, keris dan baju Melayu, jelas memaparkan ‘psikologi orang Melayu’ dan membuktikan bahawa orang Melayu dahulu sering merasa, berfikir dan bertindak dengan membina dan menjalin *kepaduan, keseimbangan, keharmonian, kejelasan dan kesyumulan* dalam kebanyakan aspek kehidupan. Pandangan dunia mereka adalah bertalian, berlapis, bertakah, berkadar dan merujuk kepada hasrat mencari kesatuan nilai dan kekayaan makna dalam kehidupan antara alam, sekitaran, masyarakat dan Tuhan.

Jelani Harun juga menyatakan:

*...unsur-unsur firasat tersebut merupakan unsur-unsur penting yang membentuk sistem kepercayaan, kejiwaan dan psikologi masyarakat Melayu dalam hubungan mereka dengan masyarakat dan alam sekeliling... Suatu kajian filologi yang menyeluruh terhadap manuskrip-manuskrip Melayu tentang pelbagai petua, azimat, alamat dan sebagainya perlu dilakukan untuk merungkai kekayaan rahsia-rahsia ilmu firasat Melayu tersebut. Perkara ini penting dilakukan untuk menunjukkan bahawa...telah sedia ada konsep firasat...dalam khazanah kesusasteraan mereka (Jelani Harun 2000:29-30).*

Maka penyelidikan ini seterusnya beralih kepada penghayatan firasat seperti yang terserlah dalam karya sastera seperti pantun dan syair untuk membuktikannya.

## **Penghayatan Firasat Dalam Karya Sastera Melayu**

Bahagian ini memaparkan usaha untuk memurnikan beberapa prinsip penghayatan firasat yang terkandung dalam pantun yang merupakan pengucapan budi bicara orang Melayu yang unik. Berikut, dijelaskan makna yang tersirat dalam empat pantun pilihan sebelum memurnikan prinsip penghayatan firasat di dalamnya:

*Buah cempedak di luar pagar,  
Ambil galah tolong jolokkan;  
Saya budak baru belajar,  
Kalau salah tolong tunjukkan.*

Dalam tradisi Melayu silam, memagar tanaman bukan sahaja untuk melindunginya dari musuh tanaman, tetapi ia menjadi bukti pemilikan tanaman. Hal ini tergambar daripada peruntukan dalam kanun perundangan Melayu. Mengambil buah cempedak di luar pagar ialah perbuatan kanak-kanak yang tidak tahu tentang hak dan adab. Manakala menjolok buah cempedak dengan galah ialah tanda orang bodoh yang perlu diajar, memandangkan buah cempedak itu lumrahnya tumbuh rendah. Ia hanya perlu dipetik dan dipulas. Maka mesej pantun ini ialah teguran sinis dan halus terhadap pelanggaran hak dan adab yang perlu diperbetulkan. Seterusnya:

*Berakit-rakit ke hulu,  
Berenang-renang ke tepian;  
Bersakit-sakit dahulu,  
Bersenang-senang kemudian.*

Kita maklum bahawa berakit ke hulu dengan melawan arus ialah suatu pekerjaan yang susah, memenatkan dan menyakitkan anggota tubuh, jiwa dan minda. Manakala berenang ke tepian dalam sungai yang berarus adalah relatif mudah. Namun kita tahu bahawa hulu ialah punca sungai, manakala tepian ialah tempat persinggahan yang sementara sifatnya dalam usaha mencapai matlamat. Jika perlu, berehatlah sejenak di tepian sebelum meneruskan perjuangan sampai ke akhir. Maka untuk meraih kejayaan yang ulung, usaha gigih dan tekal ialah suatu tuntutan yang harus digalas. Selain itu, demi mencapai matlamat dengan selamat, perlu menyediakan strategi, perancangan dan taktik agar usaha tidak sia-sia atau terbengkalai lalu 'hanyut' atau gagal. Seterusnya:

*Pisang emas dibawa belayar,  
Masak sebiji di atas peti;  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi dibawa mati.*

Orang Melayu dahulu mahir dalam pelayaran. Sering mereka berpergian jauh dengan agak lama, dan sering juga mereka membawa beberapa tandan pisang emas dalam pelayaran mereka sebagai bekalan. Terdapat beberapa butiran hikmah bagi kebiasaan ini. Pertama, pisang emas, masaknya sebiji-sebiji, dan akan tahan lama dalam pelayaran, dalam ertikata amat sesuai bagi penakatan hidup. Kedua, pisang memberi tenaga dan khasiat yang cepat kepada tubuh dan dengan memakannya, menghindari kelasi daripada mabuk laut juga. Ketiga, peti yang dimaksudkan dalam pantun ini bukan peti biasa, tetapi ialah keranda bagi sesiapa sahaja yang mungkin meninggal dunia dalam pelayaran. Maka, maksud yang tersirat dalam pantun tersebut ialah orang Melayu amat prihatin dan sering bersikap siap siaga dan tekal dalam menghadapi cabaran hidup. Pelayaran hidup dalam dunia ini adalah menuju keberuntungan di akhirat, maka perlu membuat persediaan yang lengkap. Seterusnya:



*Kalau ada jarum yang patah,  
Usah disimpan di dalam peti;  
Kalau ada silap dan salah,  
Usah disimpan di dalam hati.*

Pantun ini sering diucapkan pada akhir majlis keramaian sebagai pancaran budi bicara daripada penganjur tentang kekurangan yang mungkin terdapat dalam pelaksanaan atur cara majlis mahupun sesiapa sahaja yang terlibat dengannya. Namun kegunaannya adalah meluas dan meliputi setiap ranah kehidupan dan budaya orang Melayu. Jarum yang patah melambangkan kekurangan atau ketidaksempurnaan sesuatu atau sesiapa, dan tiada gunanya jika disimpan hingga karat. Sebaiknya, kekurangan tersebut diatasi dengan sikap terbuka dan bijaksana, dan tidak harus disembunyikan atau disimpan untuk memburukkan orang lain di masa hadapan sebagai bukti kecacatan atau keburukan, lalu menjatuhkan airmukanya. Sikap prihatin, peka dan bersedia menerima teguran ini menunjukkan betapa tinggi nilai menjaga hati seseorang dalam kehidupan. Dengan kata lain, keharmonian ialah nilai utama yang dimuliakan antara ahli masyarakat.

Berikut ialah pemurnian beberapa prinsip penghayatan firasat yang terkandung dalam rangkaian pantun di atas:

*Prinsip Kepaduan* – Jelas bahawa orang Melayu yang mencipta pantun amat halus dan peka dalam pemerhatian dan cerapannya terhadap sekeliling, terutama terhadap alam dan sifat manusia. Orang Melayu menganggap diri mereka adalah sebahagian daripada alam dan masyarakat, dan bukan wujud dalam keasingan di luarnya. Sifat alam adalah sehati dengan sifat manusia, zahir dan batin. Begitu juga, orang Melayu amat prihatin mengenai kesatuan antara kehidupan di dunia dan di akhirat.

*Prinsip Keseimbangan* – Dalam pantun, wujud keseimbangan antara pembayang dan maksud, bukan sahaja dari sudut struktur seperti suku kata, bunyi dan ritma pertengahan dan akhir pada baris-baris berkenaan, tetapi antara makna kilasan pada pembayang dengan buah pemikiran dan nilai dalam maksud yang ingin disampaikan. Dengan kata lain, antara bentuk dan perutusan wujud keseimbangan yang jelas dan padu.

*Prinsip Keharmonian* – Dari segi lenggok bahasa dan perutusan tidak terdapat kegenjotan, walaupun perkara yang dibicarakan di dalamnya adalah bertentangan sifatnya, misalnya tema pelanggaran hak dan adab dengan nasihat dan tunjuk ajar dalam pantun 'Buah Cempedak', matlamat akhir dengan kelegaan sementara dalam pantun 'Rakit Ke Hulu', penakatan hidup dengan kematian, serta nilai harta dengan nilai budi dalam pantun 'Pisang Emas' dan kekurangan pelaksanaan dengan menjaga hati dalam pantun 'Jarum Patah'. Malah perutusan yang menjurus kepada peleraian masalah dan bukan kecelaruan keadaan, disampaikan dengan halus, bijaksana dan lembut walaupun mengandungi sifat sinis, nasihat atau pengajaran. Hal ini menunjukkan sikap orang Melayu yang mengutamakan keharmonian dan penyelesaian walaupun berhadapan dengan isu yang bercanggahan.

*Prinsip Kejelasan* – Pembayang pantun menawarkan unsur ketaksan pada makna yang ditangguhkan pemahamannya dengan lembut dan berhikmah. Apabila maksud diserlahkan akhirnya, kejelasan makna pada kedua-dua baris pembayang dan maksud menawarkan pengertian yang bukan sahaja kaya dan berlapis tetapi jelas, murni dan tepat, terutama setelah ia direnungkan secara halus dan mendalam.

*Prinsip Kesyumulan* – Pantun ialah gambaran pandangan dunia orang Melayu yang peka, halus, mendalam dan menyeluruh. Kesyumulan ini terpancar pada hubungan diri seorang

Melayu dengan alam dan masyarakat serta sekelilingnya, dengan pemikiran, sikap dan nilai hidupnya; wujud hubungan yang padu, seimbang, harmoni, jelas, dan menyeluruh. Dalam pengucapan pantun, tiada gambaran keterpencilan atau keasingan walaupun unsur-unsur ini pasti wujud dalam kehidupan seharian mereka. Rumusannya, orang Melayu berusaha menangani masalah keasingan dengan menzahirkan teras falsafah hidup yang memancarkan penghayatan firasat yang jelas dan padu dalam pengucapan pantun.

Seterusnya, sebahagian besar pantun menyentuh aspek kerohanian. Misalnya, bersatu-padu demi kemaslahatan masyarakat, menyampaikan teguran tanpa mengecilkan hati orang, berakhlak mulia, berbudi serta berjasa dalam keadaan tawaduk dan bersyukur, dan sebagainya. Aspek ini merupakan komponen penting dalam penghayatan firasat dan menunjukkan bahawa hati di peringkat *sadr*, *qalb* dan *fu'ad* telah mencerap realiti yang merangkum alam lahiriah, psikik dan kerohanian.

Suatu pemerhatian penting ialah fakulti hati berupa *lubb* jarang tercetus untuk mencerap realiti di peringkat tertinggi. Dari kalangan sasterawan Melayu, Hamzah Fansuri adalah antara sasterawan sufi yang telah menyerlahkan penghayatan firasat sedemikian seperti bait-bait pilihan dalam *Syair Burung Unggas*:

### ***Syair Burung Unggas***

*Unggas itu yang amat burhana,  
Daimnya nantiasa di dalam astana,  
Tempatnya bermain di Bukit Tursina,  
Majnun dan Laila adalah di sana.*

*Unggas tahu berkata-kata,  
Sarangnya di padang rata,  
Tempat bermain pada segala anggota,  
Ada yang bersalahan ada yang sekata.*

*Unggas itu terlalu indah,  
Olehnya banyak ragam dan ulah,  
Tempatnya bermain di dalam Ka'bah,  
Pada Bukit Arafat kesudahan musyahadah.*

*Unggas itu yang wiruh angkasamu,  
Nantiasa asyik tiada kala jemu,  
Menjadi dagang lagi ia jamu,  
Ialah wujud menyatakan ilmu.*

*Thairul aryani unggas sulthani,  
Bangsanya nurur-Rahmani,  
Tasbihatal'lah subhani,  
Gila dan mabuk akan Rabbani.*

*Putihnya terlalu suci,  
Daulahnya itu bernama ruhi,  
Milatnya terlalu sufi,  
Mushafnya bersurat kufi.*

*Arasy Allah akan pangkalnya,  
Janibul'lah akan tolannya,  
Baitul'lah akan sangkarnya,  
Menghadap Tuhan dengan sopannya.*

*Sufinya bukannya kain,  
Fi Mekkah daim bermain,  
Ilmunya lahir dan batin,  
Menyembah Allah terlalu rajin.*

*Kitab Allah dipersandangkannya,  
Ghaibul'lah akan pandangnya,  
Alam Lahut akan kandangnya,  
Pada ghairah Huwa tempat pandangnya.*

*Zikrul'lah kiri kanannya,  
Fikrul'lah rupa bunyinya,  
Syurbah tauhid akan minumannya,  
Dalam bertemu dengan Tuhannya.*

Bagi Hamzah Fansuri, dirinya diibaratkan seperti unggas (*Putihnya terlalu suci, Daulahnya itu bernama ruhi, Milatnya terlalu sufi, Mushafnya bersurat kufi*) yang telah terbang dan sampai di puncak kewujudan iaitu Arasy Allah (*Thairul ariani unggas sulthani, Bangsanya nurur-Rahmani, Tasbihatal'lah subhani, Gila dan mabuk akan Rabbani*) yang menikmati keindahan dan kemanisan dalam pertemuan dengan Allah SWT (*Zikrul'lah kiri kanannya, Fikrul'lah rupa bunyinya, Syurbah tauhid akan minumannya, Dalam bertemu dengan Tuhannya*).

Pada saat pertemuan antara hati dengan Allah SWT, terjadilah penghayatan yang dinamakan '*istighraq*'. Kata Rumi: "Saat hati telah tenggelam bersama Allah, seluruh tubuh akan terserap ke dalam hati. Tidak ada lagi kebutuhan pada lisan". (Rumi 2002:98-100).

Dalam hal yang sama, Imam Al-Ghazali menggambarkan pertemuan antara hati dengan Allah SWT tersebut sebagai '*dhawq*' (W. Montgomery Watt 1988) yang melepasi cerapan dan pencerahan intelek. Beliau tiba pada natijah tersebut setelah menjalani sendiri, hidup sebagai seorang sufi, setelah melalui pergelutan hati, mental dan intelektual, demi mencari *kepaduan, keseimbangan, keharmonian, kejelasan dan kesyumulan* dapatan dan pengalaman. Akhirnya beliau tiba pada pendirian bahawa hanya dengan penghayatan kerohanian di peringkat tertinggi berupa '*dhawq*', kebenaran dan kepastian tersebut dapat dicerap dan dirasainya.

Rumusannya, seorang hamba berpotensi mencapai penghayatan firasat tertinggi berupa *istighraq* atau *dhawq* iaitu penyatuan hati dengan Allah SWT, melalui iman, amal soleh dan takwa berasaskan Tauhid yang disahkan pencerahan wahyu.

## **Rumusan dan Penutup**

Natijahnya, menerusi reviu integratif pada nas Al-Quran dan hadis, dimensi kerohanian, fisiognomi, perubatan, pengadilan, objek budaya dan karya sastera, jelas membuktikan bahawa orang Melayu mengamalkan lima prinsip penghayatan firasat seperti berikut:

| <b>LIMA PRINSIP PENGHAYATAN FIRASAT</b> |
|-----------------------------------------|
| Kepaduan                                |
| Keseimbangan                            |
| Keharmonian                             |
| Kejelasan                               |
| Kesyumulan                              |

Rajah Lima Prinsip Penghayatan Firasat

Gabungan kelima-lima prinsip di atas memberi jawapan kepada pertanyaan: apa, siapa, kenapa, bila, di mana dan bagaimana manusia Melayu menghayati kehidupannya pada suatu ketika dahulu. Dengan kata lain, ia memberi makna yang luas, padu, mendalam, dan lembut kepada kehidupan itu sendiri, dan mengundang serta mendorong manusia yang menghayatinya ke arah kebaikan dan keselamatan.

## **Bibliografi**

Abbas Kuta Karang. *Kitab Perubatan Melayu Al-Rahmah Fi Al-Tibb Wa Al-Hikmah*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia, 2017.

Abdul Hadi W M. Hamzah Fansuri. *Risalah Tasawuf dan Puisi-puisinya*. Bandung: Penerbit Mizan, 1995.

Al-Ghazali. *Ihya' 'Ulum al-Din*, peny al-Imam al-Hafiz al-Iraqi 6 jilid, Beirut: Dar al-Khayr. 1993.

Abur Hamdi Usman. Konsep Firasat Menurut Al-Quran: Analisis Tematik Wacana Mufasssirin. dalam *Al-Irsyad Journal of Islamic and Contemporary Issues* 4:1 (2019).

Fakhruddin Ar-Razi. *Kitab Firasat Ilmu Membaca Sifat dan Karakter Manusia Dari Bentuk Tubuhnya*. Indonesia: Turos Pustaka, 2019.

Hamzah Fansuri, Gerardus Willebrordus Joannes Derwes, L F Brakel. *The Poems of Hamzah Fansuri*. Virginia: Foris Publications, 1986.

Ibnu Qayyim Al-Jauziyah. *Al-Firasat*. Baghdad: Al Maktabah Al Wathaniyyah, 1986.

Jalaluddin Rumi. *Fihi Ma Fihi*. Damsyik: Darul Fikr, 2002.

Jelani Harun. *Pendekatan Firasat dan Aplikasinya dalam Kajian Karya Sastra Melayu dlm Pangsura* 11:6 (Jul-Dis 2000): 14-42.

Mahmud bin Syed Abdul Kadir al-Hindi. *Kamus Syed Abdul Kadir al-Hindi*, dalam tulisan Jawi, Singapura, 1894.

Muhammad Iqbal. *Reconstruction of Religious Thought in Islam*. Lahore: S. H. Muhammad Ashraf Publishers & Book Sellers, 1982.

Nur Al-Din Al-Raniri. *Kebun Segala Raja-Raja, Bab VII Bustan Al-Salatin*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia, 2022.

W. Montgomery Watt. *The Faith and Practice of al-Ghazali*, terj *Al-Munqidh min al-Dalal*. Oxford: Oneworld, 1988.

Wilkinson. R J. *A Malay-English Dictionary* (romanised). Part I. London: MacMillan & Co, 1959.